

Projek tebatan banjir siap dalam setahun

» Jabatan berkaitan dipanggil setiap 2 bulan lapor perkembangan terkini

Oleh Nahar Tajri
nahar@bh.com.my

► Alor Setar

Kerajaan negeri meletakkan sasaran semua projek tebatan banjir di tiga kawasan utama negeri ini, dapat disiapkan sepenuhnya dalam tempoh setahun.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Perumahan dan Pembangunan Insan, Datuk Badrol Hisham Hashim, berkata pihaknya percaya jika semua masalah dapat diselesaikan segera, projek tebatan banjir dirancang di Sungai Anak Bukit dekat sini; Sungai Pendang di Pendang dan Sungai Kerian di

Kulim, mampu disiapkan mengikut jadual.

Cari jalan penyelesaian

Beliau berkata, untuk mempercepatkan projek berkenaan, pihaknya akan memanggil semua jabatan berkaitan termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) setiap dua bulan, untuk melaporkan perkembangan terkini projek dan mencari jalan penyelesaian segera terhadap masalah yang timbul.

Katanya, melalui laporan yang diterima, pihaknya akan bertindak sebagai orang tengah bagi mempercepatkan penyelesaian masalah yang timbul di antara jabatan kerajaan terbabit bagi menjamin kelancaran projek.



Badrol Hisham (kanan) beramah mesra dengan peniaga pada sesi lawatan ke Lorong Empire, Bazar Melayu, Alor Setar, semalam.

(FOTO DANIAL NOORDIN/BH)

“Sebelum ini, JPS dan PTG berjalan seiring, namun dalam skop dan bidang kuasa masing-masing secara sendiri. Jadi bila ada masalah membabitkan kedua-duanya, mereka akan melalui prosedur biasa yang lambat kerana tiada jawatankuasa bersepadu yang dikhaskan untuk projek ini.

Kerjasama lebih berkesan

“Dalam hal ini, saya akan menjadi orang tengah untuk memastikan

kerjasama yang lebih berkesan, maknanya jika ada masalah kita akan selesaikan dengan segera dan dalam masa sama projek yang tidak bermasalah di kawasan berkenaan dijalankan macam biasa,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas sesi lawatan ke Lorong Empire, Bazar Melayu di sini, semalam.

Badrol Hisham berkata, antara permasalahan yang dihadapi pihaknya ketika ini adalah berhu-

bung bayaran pampasan kepada penduduk yang tinggal di atas rizab sungai.

“Ini antara isu yang melambatkan projek tebatan banjir dan sering kali menimbulkan masalah di antara JPS dengan PTG sebelum ini.

“Melalui perjumpaan setiap dua bulan, kita akan selesaikan isu seumpama ini yang boleh membantutkan rancangan kerajaan,” katanya.